

# ELEMEN KEBERTANGGUNGJAWABAN RUMAH TANGGA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

## Elements of Marriage Responsibility According to Islamic Perspective

Nor Dalilah Zakaria\*

Raihanah Azahari \*\*

Bahiyah Ahmad\*\*\*

### ABSTRACT

*Muslim families nowadays are facing threats that are big enough to lead to moral, social and economic collapse. The declining religious values and the occurrence of conflicts in family institutions can contribute to the existence of social diseases today. The psychological crisis and spiritual deprivation of humans in the era of globalization can be overcome if humans return to religion and practice religious teachings. Society needs resilience skills and a*

- 
- \* PhD Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur. zdalilah@gmail.com (corresponding author)
  - \*\* Former Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. raihanah@gmail.com
  - \*\*\* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. baiyah\_api@um.edu.my

*strong identity to produce balanced people from both internal and external aspects. Therefore, the injection of religious and spiritual elements becomes a priority to improve personal well-being. This article aims to describe the elements of marriage responsibility based on verse 35 of Surah al-Ahzab which conforms to the three principles of religion, Iman, Islam and Ihsan by using the documentation method. There are four main elements: knowledge and obedience, good association, livelihood and maintaining honour as the basis of responsibility in Muslim marriages that need to be implemented by husband and wife.*

**Keywords:** contemporary challenges, religious practice, responsibility, marriage

## PENDAHULUAN

Fenomena masa kini yang berlaku di barat menunjukkan manusia moden sedang berusaha untuk menghapuskan segala bentuk kepercayaan kepada Tuhan dan komitmen generasi baharu kepada agama.<sup>1</sup> Mereka memberi hujah bahawa agama dan manusia yang mempercayai agama tidak relevan lagi pada zaman ini dan golongan yang masih berpegang kepada agama kini tidak relevan lagi dengan perkembangan dan kesejahteraan manusia.<sup>2</sup> Hambatan dan cabaran sains dan teknologi, kempen sekularisme, Islamophobia, proses modenisasi kehidupan semasa merupakan cabaran agama Islam. Begitu juga perperangan saudara, keganasan bersumber pelbagai mazhab, kelahiran kumpulan keganasan atas nama jihad, keceluaran pemikiran akibat dipengaruhi budaya asing, semakin jauh daripada adab sopan tradisi dan pembinaan peribadi, etika dan budaya semakin jauh daripada sifat-sifat

<sup>1</sup> Ismail Ibrahim, *Islam Mendepani Cabaran* (Putrajaya: JAKIM, 2021), 19.

<sup>2</sup> “Big Debate: Islam or Atheis, Which Make More Sense?” Perdebatan Antara Prof Lawrence M. Krauss dan Syeikh Hamza Andreas Tzortzis di London pada 9 Mac 2013, <https://mt961013.livejournal.com/689592.html>; Ismail Ibrahim, *Islam Mendepani Cabaran*, 19

kemanusiaan, menghadapi krisis kemanusiaan dan pembentukan generasi.

Jika di lihat di dalam skop yang lebih kecil, realiti keluarga Islam masa kini sedang menghadapi ancaman yang cukup besar sehingga boleh membawa kepada keruntuhan akhlak, sosial dan ekonomi.<sup>3</sup> Nilai-nilai agama yang semakin rendah serta berlakunya konflik dalam institusi keluarga mampu menyumbang kepada wujudnya penyakit sosial masa kini.<sup>4</sup> Antara faktor pembentukan gejala sosial adalah faktor sikap ibu bapa, faktor pendidikan agama yang cetek, peranan rakan sebaya serta faktor pengaruh media massa.<sup>5</sup> Tambahan pula mutu keberagamaan masyarakat Islam berada pada tahap rendah atas pelbagai faktor antaranya rendahnya kefahaman agama, terpengaruh dengan budaya barat dan merasakan kehidupan beragama hanya bagi mereka yang berusia tua.<sup>6</sup>

Kajian polemik perceraian yang dilaksanakan oleh Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) mendapati statistik perceraian di Malaysia masih berada pada paras yang membimbangkan.<sup>7</sup> Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, tahun 2019 perkahwinan seramai 203,821 menurun 1.2% berbanding tahun 2018 iaitu 206,352 perkahwinan. Manakala perceraian dalam kalangan rakyat Malaysia pada 2019 adalah 56,975

<sup>3</sup> Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Abdul Wahab Md. Ali, Zulkifli Mohamad, Ahmad Faizal Ramly & Farah Syazrah Mohd Ghazalli, “Pembinaan Keluarga Sejahtera: Analisis Terhadap Prinsip ‘Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera’ dalam Transformasi Terengganu Baharu,” *Journal Of Nusantara Studies*, 2.2, (2017), 306-318.

<sup>4</sup> Sapora Sipon, Amin Hassan, “Managing Spirituality in Solving Family Issues.” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* (2015), 185: 214–17.

<sup>5</sup> Mohd Yusoff, Zulkifli, “Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu”, *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Modernisme* (SIVIC 2004), 7-14.

<sup>6</sup> Sazali., M. Si, “Signifikansi Ibadah Sholat” Dalam Pembentukan Kesehatan Jasmani dan Rohani, *Jurnal Ilmu dan Budaya*, 40.52, (2016), 8.

<sup>7</sup> Syafiyah Iqlima Mohd Nadzri, *Polimek Perceraian di Malaysia*, 15/2020, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) 2020, 7.

iaitu meningkat 12% berbanding 2018 iaitu 50,826.<sup>8</sup> Statistik perceraian tidak boleh dibuat perbandingan dengan statistik perkahwinan tahun semasa kerana statistik perceraian adalah merujuk kepada tarikh kes selesai dengan sabitan oleh Mahkamah Syariah atau Sivil.<sup>9</sup> Namun peningkatan sebanyak 12% kadar perceraian yang dinyatakan perlu diberikan perhatian. Jika dilihat bilangan perceraian orang Islam pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak 5,233 perceraian berbanding tahun 2018.

Jadual 1 : Bilangan perceraian Malaysia Tahun 2018 & 2019

Tahun	Bilangan Perceraian		
	Malaysia	Orang Islam	Orang Bukan Islam
2018	50,862	40,269	10,593
2019	56,975	45,502 (5,233)	11,473

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut laporan kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) 2019 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)<sup>10</sup> terdapat beberapa cabaran utama dihadapi oleh keluarga di Malaysia iaitu masalah pengaruh luar (71.4%), diikuti dengan masalah sosial (67.9%), masalah kewangan (67.5%), masalah komunikasi (50.1%) dan masalah kesihatan emosi (46.9%).

Jika dilihat dalam konteks rumah tangga masyarakat Islam berdasarkan statistik Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<sup>11</sup> bagi tahun 2018 hingga 2022, faktor utama punca aduan runding cara bagi pasangan yang menghadapi masalah dan konflik

<sup>8</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>9</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>10</sup> <http://familyrepository.lppkn.gov.my/848/1/Laporan%20Indeks%20Kesejahteraan%20Keluarga%20Malaysia%202019%20%28IKK%202019%29.pdf>

<sup>11</sup> SSPIM ini telah digunakan oleh 6 buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Perlis, Kedah, Perak dan Wilayah Persekutuan. Pihak pengadu yang hadir ke Pejabat agama kebiasaannya mempunyai pelbagai punca aduan berdasarkan masalah yang dihadapi yang melebihi dari satu aduan. Oleh itu, punca aduan yang direkodkan melalui SPPIM tidak mewakili seorang pengadu sahaja. Statistik dikeluarkan pada 13-01-2023 11:05 AM

rumah tangga adalah masalah akhlak/sosial berjumlah 194,132 merupakan aduan tertinggi diikuti faktor tidak bertanggungjawab berjumlah 126,635 aduan (kedua tertinggi), masalah komunikasi (54,529) dan kurang penghayatan agama (20,459) berbanding faktor lainnya seperti jadual berikut:

**Jadual 2: Statistik Punca Aduan Rundingcara Rumahtangga Berdasarkan Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) 2018 - 2022**

BIL	PUNCA ADUAN	2018	2019	2020	2021	2022	JUMLAH
1.	Campur Tangan Pihak Ketiga	1461	1615	1239	1922	3002	9239
2.	Kurang Penghayatan Agama	4554	4650	2488	3320	5447	20459
3.	Masalah Akhlak/ Sosial	34744	39425	24327	40661	55775	194932
4.	Masalah Ekonomi	1728	2110	1445	1430	2303	9016
5.	Masalah Kerjaya	1440	1731	1206	987	1713	7077
6.	Masalah Kesihatan	1111	1330	685	1127	1641	5894
7.	Masalah Komunikasi	10009	9227	6470	11732	17091	54529
8.	Masalah Seksual	1355	1715	1107	1074	1456	6707
9.	Perbezaan Latar Belakang	677	750	418	448	703	2996
10.	Tidak Bertanggungjawab	27901	23889	12554	24768	37523	126635
11.	Tiada Maklumat	0	0	0	0	2255	2255
	JUMLAH	84980	86442	51939	87469	128909	439739

Sumber: Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jika diteliti jadual statistik punca aduan rundingcara rumah tangga, isu kebertanggungjawaban memainkan peranan utama pencetus kepada konflik rumah tangga muslim di Malaysia. Secara umumnya punca aduan ini melibatkan tiga aspek utama iaitu berkaitan masalah diri individu sebagai suami atau isteri, kedua; masalah pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan sebagai

pasangan rumah tangga dan ketiga; masalah diri dan peranan sebagai pasangan secara bersekali seperti jadual di bawah:

Jadual 3: Masalah dan Peranan Pasangan

Masalah Diri	Masalah Peranan Sebagai Pasangan
Kurang Penghayatan Agama	Tidak Bertanggungjawab
Masalah Akhlak/ Sosial	Masalah Ekonomi
Masalah Kesihatan	Campur Tangan Pihak Ketiga
Masalah Komunikasi	
Masalah Seksual	
Perbezaan Latar Belakang	
Masalah Kerjaya	

Dari aspek masalah diri, kurang penghayatan agama adalah antara sebab utama yang menyumbang kepada konflik rumah tangga. Pengalaman sebagai Pegawai Rundingcara di jabatan agama menemukan pengadu-pengadu yang tidak memahami asas fardu ain seperti tatacara bersuci daripada hadas besar, cara melaksanakan solat dan bacaan dalam solat,<sup>12</sup> sedangkan ketika itu pasangan ini telah dikurniakan dua orang anak. Pihak suami hanya mengetahui mengenainya semasa sesi rundingcara dijalankan. Begitu juga dengan pengadu yang tidak tahu hukum hakam seperti aurat dan pergaulan bersama ipar duai, isu suami isteri bertukar pasangan (swing couple) untuk keseronokan, tidak menunaikan solat, masalah isteri lesbian, suami gay dan sebagainya. Di samping itu terdapat juga permasalahan rohani atau dalaman diri individu atau pasangan suami isteri seperti dengki, dendam dan cemburu buta, kecurangan pasangan dan menggunakan media sosial untuk menceritakan masalah rumah tangga.

Bagi masalah akhlak/ sosial yang merupakan aduan tertinggi yang dicatatkan, menunjukkan antara indikator nilai keberagamaan dari sudut kejahilan ilmu dan kurang penghayatan kepada

<sup>12</sup> Penyelidik pernah bertugas sebagai Pegawai Rundingcara Keluarga di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 2001-2004 dan di Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan pada 2016-2018

segala perintah yang telah disyariatkan. Ini menggambarkan masyarakat Islam kini menghadapi cabaran berkaitan aplikasi nilai-nilai keagamaan yang telah disyariatkan dalam kehidupan sehari-hari mereka secara konsisten. Ini disokong dengan kenyataan kaunselor profesional yang menjelaskan bahawa masalah agama adalah antara permasalahan keluarga di samping masalah-masalah lain seperti masalah anak, masalah kesihatan, masalah ketagihan seks siber dan masalah LGBT.<sup>13</sup> Kaunselor perkahwinan turut mendapati<sup>14</sup> masalah berkaitan dalam diri seperti komunikasi buruk, menipu, mengumpat, perasaan buruk sangka, perasaan marah, perasaan benci, perasaan dendam, penyakit cintakan dunia, sifat bakhil, sifat takabbur / sompong, emosi sedih dan kecewa, tekanan (stress) dan perasaan bimbang turut menjadi antara punca konflik pasangan suami isteri.

Konflik rumah tangga yang dihadapi oleh pasangan rumah tangga mampu di atasi dengan cara kembali kepada cara hidup beragama dengan mendalami ilmu farda ain secara berterusan dan terpandu. Melalui ilmu dan ketaatan kepada segala perintah syariat akan menatijahkan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. Terdapat kajian yang menunjukkan kebanyakan pasangan yang berkonflik<sup>15</sup> mempunyai masalah dengan sikap diri sendiri mendapat ketenangan daripada solat yang khusyuk, zikir dan membaca al-Quran serta sebagai cara menghubungkan hamba dengan Penciptanya untuk memohon jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Di samping itu, amalan-amalan tersebut mampu membimbing suami isteri untuk lebih berfikiran rasional dalam setiap tindakan yang bakal diambil seperti menghalang mereka dari bertindak terburu-buru dalam membuat keputusan.

---

<sup>13</sup> Sapora Sipon, Amin Hassan, “Managing Spirituality in Solving Family Issues.” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 185 (2015), 214-17.

<sup>14</sup> Salasiah Hanin Hamjah, *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al Ghazali* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016), 120-180.

<sup>15</sup> Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari, “Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor.” *Jurnal Syariah*, 24, no. 3 (2016), 393-422,

## AGAMA DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN RUMAH TANGGA

Setiap manusia mempunyai haknya sendiri dan bertanggungjawab pula untuk menunaikan hak pihak lain. Hadis Nabi ﷺ menjelaskan tentang hak dan tanggungjawab serta kewajipan menunaikan tanggungjawab tersebut.<sup>16</sup> Perbincangan berkaitan hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan bersumberkan kepada hukum syarak iaitu al-Quran dan al-Sunnah dan ijtihad para ulama sepanjang zaman yang menjelaskan hak-hak dalam keluarga iaitu hak suami isteri, hak ibu bapa dan hak anak-anak. Ini kerana perkahwinan di dalam Islam adalah satu pengamalan atau perbuatan yang soleh dan merupakan pengabdian yang lengkap kepada Ilahi. Perkahwinan merupakan ikatan kukuh dan mempunyai komitmen yang menyeluruh dalam kehidupan, masyarakat serta dapat mengajar pasangan supaya saling menghormati, berkasih sayang, meningkatkan persefahaman dalam menguruskan rumah tangga. Asasnya pelaksanaan tanggungjawab rumah tangga dalam kehidupan beragama adalah sebahagian daripada gambaran Islam sebagai *al-Din* yang tidak terbatas kepada suatu bentuk kepercayaan dan peribadatan semata-mata, malah lebih merupakan satu sistem dan peraturan hidup yang syumul.

Oleh yang demikian, untuk melunaskau hak dan tanggungjawab tersebut, perlulah kepada ilmu berkaitan perkahwinan dan tanggungjawab rumah tangga. Ilmu ini merupakan satu kefarduan dan wajib dipelajari, difahami bagi individu yang ingin berkahwin serta berkeluarga seterusnya wajib dilaksanakan apabila menempuh alam rumah tangga. Inilah sifat ilmu fardu ain, ruang lingkup dan kandungan ilmu mengenai perbuatan yang wajib dilaksanakan itu

<sup>16</sup> Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Kitab Nikah - 67, Bab 91, al-Mar'ah Raaiyatul Fi Baiti Zawjiha, Hadis 5200, Raaji' 893, Terjemahan: Daripada Abdullah bin Umar ra daripada Nabi ﷺ sabdanya: Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya (diminta bertanggungjawab) atas apa yang dipimpinnya. Seorang amir adalah pemimpin. Seorang lelaki adalah pemimpin keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin atas rumah suaminya serta anaknya. Oleh kerana setiap kamu adalah pemimpin maka setiap daripada kamu akan diminta bertanggungjawab tentang apa yang dipimpinnya. (Riwayat al-Bukhari).

berkembang mengikut masa; semakin lama seseorang mukallaf itu hidup, semakin berkembanglah ruang lingkup urusan-urusan fardu ainnya yang memerlukan ilmu yang berkaitan.<sup>17</sup>

Institusi rumah tangga merupakan suatu bentuk perlindungan, jaminan sosial serta pengagihan tanggungjawab. Ini kerana melalui perkahwinan seseorang wanita berhak mendapat dan menuntut nafkah daripada suaminya. Seorang anak yang lahir daripada perkahwinan yang sah dijamin keperluan, perwalian diri dan harta serta berhak mendapat pusaka daripada keluarganya.<sup>18</sup> Perkahwinan adalah suatu perjanjian (akad) antara suami isteri. Melalui akad inilah, timbul hak dan tanggungjawab antara mereka. Pengabaian terhadap hak dan tanggungjawab menyebabkan timbulnya krisis rumah tangga sehingga berlakunya perceraian.<sup>19</sup> Hak suami isteri boleh dibahagikan kepada dua; pertama, hak berbentuk kewangan dan kedua, hak bukan berbentuk kewangan. Islam dengan jelasnya telah meletakkan hak suami isteri dan tanggungjawab masing-masing bertujuan menjaga kerukunan sesebuah rumah tangga.<sup>20</sup>

Menurut Abd al-Rahman al-Sabuni<sup>21</sup> hak dan kewajipan antara suami dan isteri lahir melalui akad perkahwinan. Sehubungan itu wujud hak suami, hak isteri dan hak bersama antara keduanya. Perkara tersebut juga dijelaskan oleh Shalabi,<sup>22</sup> al-Maududi,<sup>23</sup>

<sup>17</sup> Murtada al-Zabidī, *Ithaf al-Sadah al-Muttaqīn bi-Sharḥ Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 1: 214

<sup>18</sup> Zalikhah Md Nor, *Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*, (Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1992), 15.

<sup>19</sup> Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, "Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh," *REKAYASA: Journal of Ethics, Legal and Governance* 35, vol. 4 (2008), 35-52.

<sup>20</sup> 'Abd al-Rahmān al-Šabūnī, *Niṣām al-Usrah wa Hāl Muškilātuha fi Dhau' Islām* (t.pt: Maktabah Wahbah, 1983), 53; Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, "Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh," 35-52.

<sup>21</sup> 'Abd al-Rahmān al-Šabūnī, *Niṣām al-Usrah wa Hāl Muškilātuha fi Dhau' Islām*, 54.

<sup>22</sup> Muhammad Muṣṭafā Shalabi, *Ahkām Al-Usrah Fi Islam*, (Beirūt: Dār al-Nahdah al-‘Arabiah, 1977), 23.

<sup>23</sup> Abu al-A'la Maudūdi, *Huqūq al-Zawjain*, (Jeddah: Dār al-Sa'udiah, 1985), 78.

‘Abdul Karīm Zaidān<sup>24</sup> Hishām Qiblān,<sup>25</sup> Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān<sup>26</sup> dan Muḥammad Abū Zahrah (1971).<sup>27</sup> Hak dan kewajipan mestilah seimbang dalam mewujudkan kerukunan rumah tangga. Justeru pasangan suami isteri perlu menunaikan tanggungjawab memberi hak kepada pasangannya. Dalam perbahasan yang sama juga Abu Bakar Jabir al-Jazairi<sup>28</sup> menjelaskan tentang etika timbal balik antara suami isteri dan etika tersebut adalah hak atas pasangannya.<sup>29</sup>

Hak suami isteri menurut etika timbal balik ini sebagiannya sama antara suami isteri dan sebagiannya tidak sama. Suami mempunyai hak dan wajib menunaikan tanggungjawabnya ke atas isteri, sebaliknya isteri juga mempunyai hak serta wajib juga menunaikan tanggungjawab ke atas suami.<sup>30</sup> Menurut Mat Saad Abdul Rahman<sup>31</sup> melalui akad perkahwinan selain dari mengharuskan persetubuhan antara suami isteri, ia juga akan menimbulkan hak dan tanggungjawab di antara kedua pihak. Perbincangan mengenai hak menjadi tidak lengkap jika tidak merujuk kepada tanggungjawab. Ini kerana hak dan tanggungjawab saling berkait. Oleh itu, dalam usaha menuntut hak masing-

<sup>24</sup> ‘Abd al-Karim Zaydan, *al-Mufassal fi al-Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt Muslimah fi al-Shari‘ah Islamiyyah* (Bayrūt: al-Risālah, 2000), 56.

<sup>25</sup> Hishām Qiblān, *Adab al-Zawāj fī al-Islām* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1983), 99.

<sup>26</sup> Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān, *al-Zawāj wa al-Talāq fī al-Islām* (Iskandariah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi‘ah, 1985), 76.

<sup>27</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Muḥadarāt Fi Al-Aqd Li Zawāj Wa Athārahū*, (T.tp: Dār al-Fikr ‘Arabi, 1971), 45.

<sup>28</sup> Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Ensiklopedia Muslim*, (Jakarta: Darul Falah, 2003), 90-95.

<sup>29</sup> Al-Baqaarah, 2:228

<sup>30</sup> Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi, “Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di Kalangan Orang-Orang Melayu,” dalam *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*, ed. Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2006), 66-80.

<sup>31</sup> Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa* (Shah Alam: Hizbi, 1993), 77-89.

masing adalah penting untuk setiap individu melaksanakan tanggungjawab mereka.

## **ELEMEN KEBERTANGGUNGJAWABAN RUMAH TANGGA**

Istilah tanggungjawab adalah kewajipan yang dipikul oleh seseorang, manakala keber tanggungjawaban adalah perihal (sifat) bertanggungjawab setiap individu dalam membuat kebaikan.<sup>32</sup> Hak dan tanggungjawab adalah perkara yang tidak dapat dipisahkan. Hak merupakan suatu yang bersumberkan hukum syarak sama ada al-Quran atau al-Sunnah. Hak merangkumi hak Allah <sup>SWT</sup> dan hak hamba yang merupakan keistimewaan, kekuasaan dan pengiktirafan kepada individu.<sup>33</sup> Setiap hak mengandungi kewajipan dan tanggungjawab. Terdapat hak yang dikanunkan dan hak yang tidak dikanunkan. Namun hak yang bersumberkan daripada hukum syarak walaupun tidak dikanunkan atau diperundangkan tetap merupakan hak yang wajib dilaksanakan kerana ia perintah Allah <sup>SWT</sup>.<sup>34</sup> Apa yang menjadi tanggungjawab suami merupakan hak bagi isteri begitulah sebaliknya.

Rasa bertanggungjawab dalam sesebuah rumah tangga akan muncul apabila pihak yang dipertanggungjawabkan samada suami atau isteri memahami hakikat sebuah tanggungjawab dan mengetahui akibat apabila tanggungjawab itu diabaikan.<sup>35</sup> Jika di dalam kehidupan berumah tangga, tanggungjawab sebagai suami atau isteri adalah amanah yang wajib dilaksanakan bagi memenuhi hak-hak pasangan. Justeru, usaha menuntut hak mesti diselaraskan

---

<sup>32</sup> Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

<sup>33</sup> Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh,” 35-52.

<sup>34</sup> Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh,” 35-52.

<sup>35</sup> Yasir Sayyid Ahmed, *al-Qiādah Fann wa Mahārah*, (Kaherah: Dār al-Bayān, 2009), 44-45; Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh,” 35-52.

dengan tanggungjawab. Ini kerana dalam menuntut hak daripada pihak lain, terdapat pula tanggungjawab diri untuk menunaikan hak orang lain.<sup>36</sup>

Tanggungjawab rumah tangga merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya bagi menjamin hak-hak pihak yang dipertanggungjawabkan. Tahap kepatuhan kepada perintah menunaikan tanggungjawab ini akan lebih mudah direalisasikan melalui kefahaman yang jitu kepada nilai kebertanggungjawaban tersebut. Kefahaman berkaitan tanggungjawab inilah menjadikan sifat kebertanggungjawaban rumah tangga dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Ini kerana pasangan rumah tangga tersebut menghayati makna sebuah tanggungjawab atau amanah yang wajib ditunaikan dengan sebaiknya kerana memahami kesan akhir hasil pelaksanaan tanggungjawab tersebut.<sup>37</sup> Rumah tangga bahagia dan sejahtera didasari dengan landasan agama yang kuat<sup>38</sup> serta sangat berkait rapat dengan sikap pasangan suami isteri antaranya ialah beriman, bertanggungjawab, dalam keadaan tenang, berbincang dengan baik<sup>39</sup> serta melaksanakan fungsi agama, pendidikan,

---

<sup>36</sup> Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh,” 35-52.

<sup>37</sup> Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, “Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh,” 35-52.

<sup>38</sup> Faula Arina, ‘Konsep Keluarga *Sakinah* Menurut Kitab Qurrah Al-‘Uyun Karangan Syaikh Muhammad At-Tihami Bin Madani,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Purwokerto, 2018), 138-139; Muhammad Fathonaddin, ‘Perkahwinan *Sakinah, Mawaddah, wa Rahmah*: Studi Pemikiran Sachiko Murata,’ (Disertasi Sarjana, UIN Alauddin Makassar, 2019), 99.

<sup>39</sup> Thoriq Fadli Zaelani, ‘Konsep Keluarga *Sakinah* Menurut Hamka,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia, 2017), 10.

hubungan intim, ekonomi yang baik serta kerohanian yang mantap dan perasaan kasih sayang dalam berkomunikasi.<sup>40</sup>

Oleh itu keber tanggungjawaban rumah tangga perlu diberikan perhatian dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi kesejahteraan keluarga. Terdapat empat elemen keber tanggungjawaban rumah tangga yang telah dikenal pasti yang meliputi hak dan tanggungjawab suami dan isteri. Elemen tersebut ialah bertanggungjawab: 1) Mendalami ilmu fardu ain dan melaksanakan ketaatan yang telah disyariatkan; 2) Melaksanakan pergaulan yang baik; 3) Tanggungjawab dalam urusan nafkah; 4) Elemen menjaga kehormatan diri dan pasangan. Empat elemen ini dipilih berdasarkan ayat 35, Surah al-Ahzab kerana melengkapi tiga prinsip agama (iman, Islam dan Ihsan) di samping mengambil kira situasi semasa yang berkeperluan untuk dibincangkan. Semua elemen ini saling berhubungan dan berkait rapat yang merangkumi hak dan tanggungjawab suami, isteri dan tanggungjawab bersama dalam sesebuah rumah tangga. Berikut adalah jadual elemen keber tanggungjawaban rumah tangga berdasarkan ayat 35, Surah al-Ahzab:

---

<sup>40</sup> Siti Chadijah, ‘Karakteristik Keluarga *Sakinah* dalam Islam,’ *Jurnal Rausyan Fikr*, vol. 14/1 (2018), 126; Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat, ‘Konsep *Sakinah, Mawaddah* dan *Rahmah* Sebagai Asas Kebahagiaan Rumahtangga Menurut al-Qur’ān: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum,’ *Jurnal al-Quran dan Pengajaran Hadith* (2016): 206-222.

### Jadual 4: Elemen Keber tanggungjawaban Rumah Tangga Menurut Islam

Elemen	Komponen	Elemen	Komponen
<b>3 Prinsip Agama</b> 1. Iman 2. Islam 3. Ihsan  Hadis Riwayat al Bukhari & Muslim	1. Islam (الْسَّلَامُ وَالْمُسْلِمُونَ) 2. Iman (وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ) 3. Taat (وَالْقَانِتُونَ وَالْقَانِتَاتُ)  4. Benar (وَالصَّابِرُونَ وَالصَّابِرَاتُ) 5. Sabar (وَالصَّابِرُونَ وَالصَّابِرَاتُ) 6. Merendah diri (وَالْحَسُنُونَ وَالْحَسُنَاتُ) 7. Bersedekah (وَالْمُنْصَدِّقُونَ وَالْمُنْصَدِّقَاتُ) 8. Berpuasa (وَالصَّائِمُونَ وَالصَّائِمَاتُ) 9. Menjaga kehormatan (وَالْحَفِظُونَ فِرْجَهُنَّ وَالْحَفِظَاتُ)  10. Berzikir (وَالذَّكَرُونَ اللَّهُ كَبِيرًا وَالذَّكِيرَاتُ)	Tanggungjawab suami  Tanggungjawab Isteri  Tanggungjawab Bersama	1. Ilmu & Ketaatan 2. Pergaulan yang baik 3. Nafkah 4. Menjaga kehormatan

Surah Al Ahzab:35

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan 10 ciri amalan beragama yang dinyatakan dalam Surah al-Ahzab, ayat 35 ini perlu diberikan perhatian sewajarnya sebagai panduan dalam kehidupan samada sebagai individu, pasangan rumah tangga, pekerja dan ahli masyarakat. Fokus tiga ciri pertama iaitu Islam, Iman dan Taat perlu dicari gali kefahaman dan penghayatannya melalui ilmu fardu ain secara berterusan dan terpandu. Natijah penghayatan ilmu berkaitan Islam, Iman dan Taat mampu melahirkan tiga ciri seterusnya iaitu Benar, Sabar dan Merendah diri dalam pergaulan harian dan melaksanakan tanggungjawab. Seterusnya juga berkongsi rezeki sama ada dalam melunaskan tanggungjawab nafkah keluarga dan bersedekah. Amalan berpuasa merupakan antara usaha menjaga nafsu dan kehormatan diri. Manakala amalan berzikir mengingati kebesaran dan keagungan Allah <sup>SWT</sup> pada setiap saat dan ketika perlu diamalkan pada setiap ketika dan saat yang telah dijanjikan kurniaan terbaik daripada Allah <sup>SWT</sup>. Ini jelas menunjukkan kepentingan empat elemen keber tanggungjawaban iaitu ilmu dan ketaatan, pergaulan baik, nafkah dan menjaga kehormatan yang perlu diaplikasikan dalam

kehidupan berumahtangga muslim bagi memperoleh kesejahteraan keluarga.

Kepentingan empat elemen ini juga dilihat berdasarkan undang-undang yang telah dikanunkan melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa ke atas masyarakat Islam khususnya dan warganegara Malaysia amnya. Ia merupakan satu proses pengawalan dan peraturan agar dapat dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua pihak yang berkaitan.

Bagi elemen pertama iaitu ilmu dan ketaatan, terdapat peraturan mewajibkan agar bakal pasangan pengantin mengikuti Kursus Pra Perkahwinan<sup>41</sup> adalah antara langkah bagi memastikan agar pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga mampu memahami hak dan tanggungjawab serta membugar kembali ilmu berkaitan agama (fardu ain) untuk dilaksanakan bersama tugas baru sebagai suami dan isteri dalam sebuah kelurga yang bakal dibina. Namun dari segi pelaksanaannya adalah bergantung kepada sejauh mana individu itu memahami hakikat tuntutan fardu ain tersebut.

Bagi elemen kedua iaitu pergaulan yang baik pihak kerajaan telah menguatkusakan Akta Keganasan Rumahtangga (AKRT) yang mula diperkenalkan pada tahun 1994 dan telah dipinda pada tahun 2012 dan terkini pada tahun 2017.<sup>42</sup> Kawalan melalui penguatkuasaan undang-undang merupakan satu usaha murni bagi menjamin hak sebagai individu sama ada sebagai suami, isteri, anak, ibu dan bapa dalam sebuah kelurga dapat dilindungi daripada penderaan fizikal, penderaan emosi, psikologi dan kewangan mangsa.<sup>43</sup>

---

<sup>41</sup> Ruhil Hayati, “Modul Kursus Pra Perkahwinan Islam: Kajian Terhadap Keberkesanannya di Jabatan Agama Islam Negeri Perak Darul Ridzuan,” (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2011), 45.

<sup>42</sup> Aspalella A. Rahman, Nazli Mahadzir, Che Thalbi Ismail, Asmar Abdul Rahim, “Perkembangan Terkini Undang-Undang Keganasan Rumahtangga di Malaysia,” International Seminar on Regional Politics, Administration and Development 2020 (Insorpad2020), 58-70.

<sup>43</sup> Aspalella A. Rahman, Nazli Mahadzir, Che Thalbi Ismail, Asmar Abdul Rahim, “Perkembangan Terkini Undang-Undang Keganasan Rumahtangga di Malaysia,” 58-70.

Bagi elemen ketiga iaitu nafkah, pihak kerajaan telah menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 7 Jun 2007 pula sebagai usaha bagi membendung kebertanggungjawaban nafkah kepada isteri dan anak-anak sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlaku perceraian. Ini kerana hak dan tanggungjawab nafkah adalah asas utama yang perlu ditunaikan dalam kehidupan berkeluarga.

Bagi elemen keempat iaitu menjaga kehormatan, terdapat peruntukan bagi jenis kesalahan dalam Enakmen Jenayah Syariah di setiap negeri di Malaysia menguatkuasakan pelaksanaan undang-undangnya.<sup>44</sup> Pada umumnya, orang Islam adalah tertakluk kepada Undang-undang Jenayah Negeri.<sup>45</sup> Walau bagaimanapun terdapat juga undang-undang jenayah yang digubal oleh Persekutuan yang perlu dipatuhi oleh seluruh umat

---

<sup>44</sup> Zulkifli Hasan, ‘Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia & Sejauh Manakah Pelaksanaannya,’ dalam Azman Ab Rahman et al., *Isu-isu Semasa Global Sempena Kemerdekaan Ke-50*, (Nilai: Pusat Pengajian Umum USIM, 2007), 23-35.

<sup>45</sup> Peruntukan ini boleh dilihat dalam beberapa enakmen negeri-negeri seperti Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 dan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (pindaan) (Kelantan) 1986. Bagi negeri yang masih tidak mempunyai enakmen jenayah syariah, peruntukan kesalahan terdapat di dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri masing-masing. Selain daripada itu terdapat juga kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Bahagian IV dan X yang dikenali sebagai kesalahan matrimoni seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003.

Islam.<sup>46</sup> Sebagai usaha pencegahan daripada berlaku sesuatu yang tidak sewajarnya dalam sebuah rumah tangga muslim, telah dikuatkuasakan peruntukan kesalahan sebagaimana di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.<sup>47</sup>

Dapat disimpulkan daripada dapatan kajian-kajian terdahulu dengan satu kerangka konsep empat elemen utama dalam kebertanggungjawaban rumah tangga menurut perspektif Islam:

---

<sup>46</sup> Sebagai contoh, kesalahan yang bersangkut paut dengan harta benda seperti mencuri, merompak dan lain-lain kesalahan yang berkait dengan negara seperti penderhakaan dan sebagainya. Kesemua kesalahan ini terdapat dalam Kanun Kesekeaman di mana orang-orang Islam adalah tertakluk kepada undang-undang tersebut. Kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen jenayah syariah adalah terlalu sedikit dan amat terhad termasuk peruntukan hukumannya. Hukuman yang diperuntukkan hanyalah merangkumi takzir iaitu penjara, denda atau sebatan.

<sup>47</sup> Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, “Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah,” *Ulum Islamiyyah* 12 (2014), 215. Peruntukan tersebut adalah: (d) Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesejahteraan orang lain seperti menghasut atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau beristeri supaya bercerai, mlarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang lain meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya, melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, mlarikan atau mempengaruhi seseorang perempuan supaya lari dari jagaan ibu bapanya, menjadi muncikari iaitu menjadi orang tengah untuk tujuan menyalahi syarak dan mempertikaikan keislaman orang lain. Di samping enam kategori pengklasifikasian kesalahan jenayah syariah yang lainnya.

Jadual 5: Kerangka Konsep Kajian



Kerangka konsep ini dirumuskan secara umum perbincangan tentang alam rumah tangga dan perkahwinan meliputi dua aspek utama iaitu aspek yang berkaitan dengan undang-undang dan kedua berkaitan dengan falsafah agama itu sendiri. Dapatan ini turut disokong dengan kajian semasa<sup>48</sup> iaitu aspek yang pertama menjurus ke arah menetapkan hak dan kewajipan yang berkaitan dengan tatacara kehidupan suami isteri dan ini dikenali sebagai aspek perundungan dan kehakiman. Manakala yang kedua pula berkaitan dengan falsafah agama. Ini bermaksud keluarga adalah sebagai satu institusi yang bersifat kasih sayang (rahmah) dalam bermu'amalah, mawaddah dalam tingkah laku dan sakinah dalam kehidupan sehari-hari.<sup>49</sup> Ini menunjukkan kepentingan merealisasikan kebertanggungjawaban rumah tangga bagi menjamin hak pasangan suami isteri yang bersumberkan al-

<sup>48</sup> Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat, "Konsep *Sakinah, Mawaddah* dan *Rahmah* Sebagai Asas Kebahagiaan Rumahtangga Menurut al-Qur'an: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum," *Jurnal al-Quran dan Pengajaran Hadith* (2016), 206-222.

<sup>49</sup> Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat, "Konsep *Sakinah, Mawaddah* dan *Rahmah* Sebagai Asas Kebahagiaan Rumahtangga Menurut al-Qur'an: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum," 206-222.

Quran dan al-Sunnah serta peraturan dan undang-undang negara. Hakikatnya penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang dilaksanakan adalah sebagai kawalan sosial kepada masyarakat dan perlu diberikan perhatian sewajarnya. Berikut adalah perbincangan empat elemen kebertanggungjawaban rumah tangga menurut perspektif Islam:

## **ELEMEN PERTAMA; ILMU DAN KETAATAN**

Islam adalah *din al-usrah* (agama kekeluargaan) dan pelaksanaan tanggungjawab rumah tangga merupakan antara amalan dalam kehidupan beragama yang perlu dilaksanakan sebagai amanah kepada suami dan isteri. Di samping merupakan sebahagian daripada gambaran Islam sebagai *al-Din* yang tidak terbatas kepada suatu bentuk kepercayaan dan peribadatan khusu semata-mata, malah lebih merupakan satu sistem dan peraturan hidup yang syumul. Ilmu menjadi alat yang amat penting kepada individu yang membentuk institusi keluarga. Sesebuah institusi keluarga yang dibina oleh dua individu utama lazimnya berkembang membentuk sebuah masyarakat. Perkembangan ini menjadi lebih bermakna apabila setiap individu dalam sistem keluarga dan masyarakat memahami dan menjalankan peranan masing-masing dalam membangunkan bangsa dan negara mereka.<sup>50</sup> Pembangunan dan kemajuan tamadun manusia adalah berkait rapat dengan tahap dan penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat.

Alam perkahwinan yang dilalui oleh pasangan suami isteri perlu difahami dengan sebaiknya. Ilmu berkaitan perkahwinan dan tanggungjawab rumah tangga adalah fardu dan wajib dipelajari, difahami oleh setiap individu yang ingin berkahwin. Kefahaman ini juga wajib dilaksanakan apabila menempuh alam rumah tangga. Ini kerana ruang lingkup dan kandungan ilmu mengenai perbuatan (fardu ain) yang wajib dilaksanakan itu berkembang mengikut masa; semakin lama seseorang mukallaf itu hidup, semakin berkembanglah ruang lingkup urusan-urusan

---

<sup>50</sup> Adibah Sulaiman@Mohamad, Ezad Azraai Jamsari & Nurliyana Mohd Talib, "Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi," *Islamiyyat* 38, no. 2 (2016), 93-102.

fardu ainnya yang memerlukan ilmu yang berkaitan.<sup>51</sup> Hakikatnya ilmu perkahwinan dan kekeluargaan termasuk di dalam ilmu fardu ain yang wajib dipelajari, difahami serta dilaksanakan oleh setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga. Oleh yang demikian pasangan yang berumah tangga perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu mengenai rumah tangga dan keluarga seperti tanggungjawab suami terhadap isteri, tanggungjawab isteri terhadap suami, tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak serta tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa dan hak-hak masing-masing.

Setiap individu wajib mendalami ilmu fardu ain yang berasaskan kepada tiga prinsip utama agama iaitu pertama; iman dengan mempelajari ilmu akidah, kedua; Islam dengan mempelajari ilmu fiqh dan ketiga; Ihsan dengan mempelajari ilmu tasawuf serta memahami dan menghayatinya menjadi satu kewajipan kerana kehidupan individu berbeza mengikut perkembangan usia. Keperluan kepada pengukuhan ilmu fardu ain<sup>52</sup> perlu dilaksanakan secara berterusan mengikut perkembangan usia dan keperluan dalam kehidupan seseorang seperti telah menceburi alam pekerjaan<sup>53</sup> serta mendirikan rumah tangga. Antara proses pengukuhan tersebut adalah melalui tilawah al-Quran yang berterusan, memahami tafsir al-Quran, memahami hadith-hadith Nabi ﷺ beserta dengan makna dan maksudnya, melaksanakan amal ibadat, menghadiri kelas pengajian<sup>54</sup> dan kuliah agama dan bergaul

<sup>51</sup> Murtada al-Zabidi, *Ithaf al-Sadah al-Muttaqīn bi-Sharh Ihya' 'Ulum al-Dīn* (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 1: 214

<sup>52</sup> Norsaleha Mohd Salleh, "Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia," (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia 2015), 65; Azma Mahmood, "Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Tahap Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia," (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 78.

<sup>53</sup> Azma Mahmood, "Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Tahap Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia," 78.

<sup>54</sup> Yufiza Yusof, Rafidah Mohd Basir, Saleha Abd Azis dan Zamaruzaman Mohamad, "Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia," (Melaka: Kolej Komuniti Batu Gajah, 2016), 45.

dengan kawan-kawan yang soleh.<sup>55</sup> Contohnya penghayatan ilmu berkaitan akidah mestilah melalui proses pengukuhan kerana akidah yang dihayati tanpa bukti dan hujah tidak bertahan lama sekiranya tidak disertai dengan pengukuhan<sup>56</sup> walaupun seseorang itu pernah mendapat mempelajari Pendidikan Islam di sekolah.<sup>57</sup> Hasil pengukuhan ilmu agama ini mampu melahirkan tindak balas melalui amalan dan penghayatan seseorang terhadap suruhan dan larangan Allah <sup>SWT</sup> seperti pembentukan disiplin diri<sup>58</sup> serta mampu menatijahkan penghayatan akhlak yang sunniyyah.<sup>59</sup> Ini bermaksud apabila ilmu agama ini dihayati sebaiknya mampu menatijahkan akhlak yang baik dalam kehidupan rumah tangga seperti cara komunikasi, cara menyelesaikan konflik dan lainnya.

Elemen ilmu dan ketaatan ini merupakan asas yang perlu dihayati dengan sebaiknya oleh setiap pasangan rumah tangga. Pengukuhan ilmu fardu ain bertujuan memperbaiki ibadat fardu seperti solat sangat diutamakan sehingga dapat merasakan khusyuk di dalam solat yang merupakan asas untuk berjaya dalam hidup.<sup>60</sup> Apabila hubungan dengan Allah <sup>SWT</sup> dapat dijaga secara tidak langsung dapat menjaga hubungan sesama manusia seperti dalam keluarga, rakan sekerja dan masyarakat. Kajian semasa membuktikan bahawa penghayatan agama yang diperoleh daripada proses pengukuhan ilmu serta amalan agama yang berterusan<sup>61</sup> mampu menanam nilai iman, takwa dan rasa takut kepada balasan

---

<sup>55</sup> Norsaleha Mohd Salleh, “Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia,” 65.

<sup>56</sup> Al Ghazali, *Ihya Ulum al Din*, 1: 12

<sup>57</sup> Norsaleha Mohd Salleh, “Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia,” 68.

<sup>58</sup> Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya, Fatimah Nadirah, Mohd Noor, “Fardhu ‘Ain Sebagai Kerangka Pembentukan Disiplin Pelajar di Institusi Pendidikan Islam,” *Jurnal Ulwan* 1 (2016), 59-73.

<sup>59</sup> Jahid Sidek, “Konsep Tasawuf Yang Muktabar Dalam Akidah.” *Jurnal Qalbu*, 4.3, (2017): 44-81

<sup>60</sup> Al-Mukminun 23: 1-2

<sup>61</sup> Al-Ghazali, *Ihya Ulum al Din* (Bayrut: Dar al Jil, 1992), 1: 12.

akhirat<sup>62</sup> serta menjadikan seseorang bertanggungjawab dan tabah menghadapi cabaran kehidupan.<sup>63</sup>

Di Malaysia, melalui peraturan yang telah dikuatkuaskan, pasangan yang bakal berkahwin mengikuti kursus pra perkahwinan Islam yang diselia oleh Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing di seluruh Malaysia dengan menggunakan modul Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI).<sup>64</sup> Kursus ini adalah antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak berwajib bagi pengukuhan institusi keluarga Islam. Walaupun begitu, setiap individu perlu memantapkan ilmu berkaitan kekeluargaan dengan lebih mendalam kerana pengurusan rumah tangga memerlukan kepada asas ilmu agama yang kukuh serta kesungguhan daripada kedua-dua pasangan suami isteri menghayati dan melaksanakannya.

Elemen ilmu dan ketaatan ini juga bertepatan dengan tiga ciri terawal di dalam surah al-Ahzab:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ

*Terjemahan: “Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat.”*

(Surah al-Ahzab, 33: 35)

<sup>62</sup> Sudi, Suriani, Fariza Sham, And Phayilah Yama, “Pembentukan Spiritual Menurut Islam Sebagai Solusi Dalam Menangani Permasalahan Sosial Spiritual,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5, 273, (2018), 66-78.

<sup>63</sup> Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail, “Kecerdasan Ruhaniah Membentuk Manusia Unggul,” *Islamiyyat* 37.2, (2015), 97-105.

<sup>64</sup> Ruhil Hayati, “Modul Kursus Pra Perkahwinan Islam: Kajian Terhadap Keberkesanannya di Jabatan Agama Islam Negeri Perak Darul Ridzuan,” 66.

Tiga ciri terawal iaitu Iman, Islam dan Taat dapat difahami dan dihayati dengan menguasai nilai rukun iman, rukun Islam dan mentaati sepenuhnya segala perintah yang telah disyariatkan maka, jaminan Allah<sup>65</sup> adalah pengampunan dan menerima balasan yang terbaik sebagaimana dihujung ayat ini. Berdasarkan tiga sifat iaitu keislaman, keimanan dan ketaatan memerlukan kefahaman yang jitu berkaitan asas fardu ain melalui prinsip iman, Islam dan ihsan. Inilah tunjang utama bagi pelaksanaan amalan beragama bersumberkan rukun Islam dan rukun iman.

Nilai ketaatan mampu dikekalkan dalam diri individu apabila benar-benar kenal dan yakin kepada Pencipta syariat melalui rukun iman. Memahami akibat dan balasan apabila meninggalkan segala perintah suruhan ibadah seperti di dalam rukun Islam. Di samping mampu memahami ibadah dan amalan batin/rohani dengan beramal dengan sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah serta menghayati hikmah di sebalik segala perintah ketaatan dan tegahan tersebut berdasarkan prinsip ihsan yang mampu difahami melalui ilmu tasawuf. Di dalam Islam, aspek kerohanian dan spiritual dan agama dilihat sebagai aspek yang bersepada dan tidak dapat dipisahkan.<sup>65</sup> Terdapat enam elemen utama dalam menghayati amalan beragama melalui tiga prinsip agama.<sup>66</sup> Enam elemen ini yang berkait di antara satu sama lain iaitu; Ilmu; Amalan zahir dan batin; Hubungan dengan Allah dan manusia; Perintah suruhan dan tegahan; Amalan fardu dan nawafil dan Istiqamah.<sup>67</sup>

Kesimpulannya, bagi menambah nilai kefahaman dan penghayatan makna sebenar iman, Islam dan ihsan memerlukan kepada pertambahan ilmu agama (fardu ain) mengikut perkembangan usia dan keperluan hidup seseorang. Ilmu agama perlu sentiasa diperkuatkan bagi meningkatkan kefahaman yang jitu berdasarkan enam elemen yang dinyatakan di atas. Seterusnya mampu mewujudkan penghayatan dan dapat dilaksanakan amalan

<sup>65</sup> Salasiah Hanin Hamjah, *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al Ghazali*, 9.

<sup>66</sup> Nor Dalilah Zakaria dan Raihanah Azahari, “Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari”. *AR-RĀ’IQ*, 5 (1), (2022), 20-74.

<sup>67</sup> Nor Dalilah Zakaria dan Raihanah Azahari, “Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari,” 20-74.

agama dengan bersungguh-sungguh. Nilai keimanan seseorang itu turut meningkat dengan amalan soleh yang dilaksanakan serta dihayati secara berterusan. Kefahaman ilmu berkaitan amalan zahir dan batin agama secara terpandu seperti dalam perbahasan ilmu akidah, fiqh dan tasawuf boleh meningkatkan rasa keyakinan yang mantap dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dalam kehidupan. Keyakinan kepada janjian balasan baik dan buruk ini menjadi penggerak bagi melunaskan amanah serta berusaha bersungguh menghayati amalan tersebut bagi mengecapi rasaan rohani seperti ketenangan dan khusyuk dalam beribadah. Oleh yang demikian, elemen ilmu dan ketaatan yang telah dibincangkan mampu melahirkan individu yang dapat mengurus diri secara zahir dan batin serta bertanggungjawab kepada diri, rumah tangga, keluarga dan masyarakat.

## ELEMEN KEDUA; PERGAULAN YANG BAIK

Perkahwinan atau nikah dari segi terminologi (bahasa) ialah himpunan, pengumpulan, percantuman, persetubuhan dan akad.<sup>68</sup> Dari segi syarak perkahwinan merupakan suatu akad yang menghalalkan pergaulan dan membatasi hak-hak kewajipan serta tolong-menolong antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang di antara keduanya bukan mahram.<sup>69</sup> Di samping mengandungi rukun-rukun dan syarat-syarat tertentu<sup>70</sup> untuk mengharuskan pergaulan, menghalalkan persetubuhan,<sup>71</sup> kebaikan sosial iaitu mengikat hubungan kekeluargaan antara dua jantina berbeza, hubungan antara dua keluarga, pertalian darah melalui jalan yang diredhai Allah <sup>SWT</sup> serta mengasuh dan mendidik

<sup>68</sup> Muhammad Qāsim al-Ghāzzi, *Sharh Fatḥ al-Qarīb al-Mujīb ‘Alā al-Kitāb al-MusammāBi al-Taqrīb*, (Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1970), 4: 43.

<sup>69</sup> ‘Abd al-Rahmān al-Jazirī, *al-Fiqh ‘ala al-Madhāhib al-Arba‘ah*, vol. 4 (1989), 1-3.

<sup>70</sup> Muhammad Qasim al-Ghazzi (1970), 43.

<sup>71</sup> Muṣṭafa al-Khin, *Fiqh al-Manhajī ‘ala Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 2 (Dimashq: Dār al-Qalam, 1992), 11; Al-Shafī‘e, *al-Fiqh al-Wadih ‘ala Mazhab al-Imām al-Syāfi‘īe*, terj. Hj. S’aid Haji Ibrahim (Kuala Lumpur: Dar al-Ma’rifah, 2000), 1: 118.

anak-anak.<sup>72</sup> Rumah tangga yang dibina hendaklah berasaskan ketaqwaan, pasangan suami isteri yang saling menghormati dan melindungi antara satu sama lain. Begitu juga pergaulan yang baik di antara suami isteri seterusnya akan melahirkan rasa tanggungjawab dan kebersamaan di dalam mengendalikan sesebuah rumah tangga.

Pembentukan keluarga diasaskan atas dasar *husn al-mua'asyarah* ataupun *al-mu'asyarah bil ma'ruf* (pergaulan yang baik) di dalam keluarga.<sup>73</sup> Maksud ‘yang baik’ adalah pergaulan dan hidup bersama secara baik dan diredhai Allah. Sesuatu itu tidak dinamakan baik (*ma'ruf*) melainkan ia baik dan diredhai Allah serta jauh dari perkara yang makruh,<sup>74</sup> kemungkaran, kemaksiatan, penganiayaan dan kezaliman.<sup>75</sup> Pergaulan dan perhubungan yang baik adalah hak bersama suami termasuklah sifat tolong-menolong pada mentaati Allah dan tanggungjawab bersama terhadap rumah tangga.<sup>76</sup> Di samping bersifat amanah, cinta kasih, saling percaya, berlemah lembut dalam pergaulan, wajah berseri-seri, ucapan yang baik, penghargaan dan penghormatan.<sup>77</sup>

<sup>72</sup> Roziah Chek, “*Konsep Perkahwinan dalam Islam dan Kristian: Kajian Perbandingan*” (Tesis Sarjana, Universiti Malaya 2010), 78; Abdul Jalil Hj. Mohd. Hassan, “The Islamic Concept of Marriage,” *Islamika II* (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1982), 254.

<sup>73</sup> Al-Rum 21:21; Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Dimashq: Dar al-Fikr, 1989), 5: 67; Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, 43; Asming Yalawae, Hak dan Tanggungjawab Suami dan Isteri dalam Rumah Tangga: Kajian di Narathiwat, Thailand,” (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1998), 89.

<sup>74</sup> ‘Abd al-Rahman al-Juzayri, *al-Fiqh ‘Ala al-Madhabib al-Arba‘ah* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1989), 4: 67; Muhammad Mahmud Syafie, *al-Tanbih Fi Fiqhi Asy Syaafii*, terj. Hafid Abdullah. M.A. (Semarang: CV. Asy Syifa, 1998), 34.

<sup>75</sup> Mahmud Saidon, *Asas Pembentukan Keluarga Bahagia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1984), 10.

<sup>76</sup> Abu Zuhrah, Muhammad, *Al-Ahwāl al-Syakhsiyah*, (Cairo: Dar al-Fikr al-‘Arabi, (1957), 3:18; Muhammad ‘Aqilah, *Niżām al-Usrah fī Islām*, vol. 2 (‘Ammān: Maktabah Risālah Ḥadīthah, t.t.), 87.

<sup>77</sup> Muhammad ‘Aqilah, *Niżām al-Usrah fī Islām*, vol. 2, 87.

Elemen pergaulan yang baik melibatkan aspek komunikasi, cara mengurus konflik dan mengurus rumah tangga dengan melazimi sifat-sifat mahmudah seperti benar, sabar dan khusyuk sebagaimana dalam ayat 35, Surah al-Ahzab:

وَالصَّدِيقِينَ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّدِقَاتِ  
وَالْحَسِيعِينَ وَالْخَشِعَتِ

*Terjemahan: "Dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah)." (Surah al-Ahzab, 33; 35)*

Tiga ciri iaitu benar, sabar dan merendah diri (khusyuk) jika diamalkan dalam pergaulan suami isteri seperti cara berkomunikasi bersama pasangan dan mengamalkan sifat ini ketika menghadapi dan berusaha menyelesaikan konflik yang berlaku seperti perbincangan secara bijak yang disertai sifat rendah diri dan menghilangkan sifat ego dalam diri serta bersabar maka dengannya mampu membuka jalan penyelesaian. Dengan sifat dan ciri ini juga pasangan terhindar dari disakiti secara fizikal dan mental kerana hakikatnya para suami ditegah dari menyakiti dengan memukul isteri berdasarkan aturan syariat.<sup>78</sup> Perbincangan dua hala antara suami isteri boleh dilaksanakan dengan sebaiknya dan apa juga kesulitan dan konflik yang berlaku mampu diselesaikan dengan sebaiknya. Sifat saling mengambil berat serta menghargai dapat dilaksanakan. Sifat benar dalam rumah tangga sangat penting kerana dengannya mampu menghindari berlakunya kecurangan, nusyuz dan lainnya. Di samping meyakini amanah yang terpikul di bahu suami atau isteri yang pasti dihitung ganjaran baik dan buruknya oleh Allah<sup>79</sup>.

Begitu juga sifat sabar dalam mengemudi sebuah perkahwinan sangat memainkan peranan bagi menjamin kebahagiaan sesebuah rumah tangga. Pasangan perlu memiliki sifat sabar dalam apa juga cabaran yang mendatang, sabar dalam mendidik pasangan

<sup>78</sup> Al-Baqarah 4:19.

dan ahli keluarga, sabar dalam menyediakan keperluan hidup.<sup>79</sup> Dengan sifat sabar yang dimiliki oleh pasangan suami isteri akan membawa rasa ketakwaan dan membawa kesejahteraan diri dan keluarga. Sifat merendah diri (khusyuk) jika diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari akan mewujudkan sifat saling menghargai dan bertolak ansur dalam melaksanakan tanggungjawab rumah tangga.<sup>80</sup>

Bagi menjamin elemen pergaulan yang baik dalam kehidupan berkeluarga, pihak kerajaan telah menguatkuaskan Akta Keganasan Rumahtangga (AKRT) 2017.<sup>81</sup> Kawalan sosial melalui penguatkuasaan undang-undang merupakan satu usaha murni bagi menjamin hak sebagai individu sama ada sebagai suami, isteri, anak, ibu dan bapa dalam sebuah keluarga dapat dilindungi daripada penderaan fizikal, penderaan emosi, psikologi dan kewangan mangsa.<sup>82</sup> Asas pembinaan institusi kekeluargaan ini tidak tercapai sekiranya keganasan rumahtangga berlaku dan kajian mendapati antara puncanya ialah kekurangan pengetahuan agama yang menyebabkan terperangkapnya pasangan berkahwin ini ke arah kehidupan dan budaya sosial yang liar.<sup>83</sup>

Kesimpulan kepada perbincangan elemen pergaulan yang baik sebagai salah satu elemen kebertanggungjawaban rumah

<sup>79</sup> Al-Ghazali, *Ihya Ulum al-Din*, 1:45

<sup>80</sup> Al-Nisa, 4:34

<sup>81</sup> Aspalella A. Rahman, Nazli Mahadzir, Che Thalbi Ismail & Asmar Abdul Rahim, “Perkembangan Terkini Undang-Undang Keganasan Rumahtangga di Malaysia,” *International Seminar On Regional Politics, Administration And Development 2020 (Insorpad2020)*, 56-67.

<sup>82</sup> Aspalella A. Rahman, Nazli Mahadzir, Che Thalbi Ismail & Asmar Abdul Rahim, “Perkembangan Terkini Undang-Undang Keganasan Rumahtangga di Malaysia.”

<sup>83</sup> Nurul Qolbi Mohd Ngalam, Norhazirah Mustaffa & Ahmad Irdha Mokhtar, “Penyelesaian Keganasan Rumahtangga Dari Perspektif Maqasid Syariah,” *Prosiding SAKI* (2021), 163-176: Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim & Intan Nadia Ghulam Khan, “Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mencatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984,” <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9408/1/Kajian%20Syariah%20Dan%0Undang-Undang%20-%20Part%203.pdf>

tangga melibatkan beberapa aspek penting iaitu pergaulan yang baik termasuk dalam hubungan intim suami isteri, aspek komunikasi, mengurus konflik dengan baik, mengamalkan sifat mahmudah seperti benar, sabar dan khusyuk serta menghindari sifat mazmumah. Aspek ini menghasilkan sifat-sifat seperti saling menghormati, bertolak ansur dan saling menghargai yang perlu diamalkan oleh pasangan rumah tangga.

### ELEMEN KETIGA; NAFKAH

Nafkah di dalam sebuah rumah tangga adalah yang utama bagi merealisasikan keharmonian keluarga. Banyak kajian membuktikan elemen nafkah yang dikategorikan sebagai faktor kewangan dan ekonomi mempunyai hubungan yang kuat dalam menjelaskan punca keharmonian dan keruntuhan rumah tangga.<sup>84</sup> Pasangan-pasangan yang dikaji menyifatkan kekangan kewangan dan tekanan sebagai saling berkaitan, mampu memberi kesan secara langsung kepada perkahwinan berkualiti.<sup>85</sup> Kemiskinan turut dikaitkan dengan kualiti perkahwinan dan antara tekanan yang boleh menimbulkan konflik dan meningkatkan tahap ketidakstabilan institusi keluarga.<sup>86</sup> Faktor ekonomi merupakan faktor yang penting kepada keruntuhan perkahwinan, penderaan psikologi dan fizikal, serta pengabaian anak-anak.<sup>87</sup> Kelangsungan kehidupan berumah tangga juga dipengaruhi oleh kelancaran

<sup>84</sup> Badrudin, ‘Upaya Keluarga Pra Sejahtera dalam Membentuk Keluarga Sakinah,’ *Jurnal Hukum* (t.t.): 108; Fadillah Ismail, “Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga,” *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-11 (PERKEM KE-11)*, (2016) 394 – 399;

<sup>85</sup> Crouter, A. C., & Helm-Erikson, H. M., “Work and family from a dyadic perspective: Variations in inequality,” In R. Milardo & S. Duck (Eds.), *Families as Relationships*, (New York: Wiley, 2000), 99- 115.

<sup>86</sup> Conger, R., Rueter, M. & Elder G. J., “Couple resilience to economic pressure. In P. Boss (Ed.). *Family Stress: Classic and Contemporary Readings*, (Thousand Oaks: Sage Publications, 2002), 292-319.

<sup>87</sup> Conger, D.R., Glen H. E., & Lorenz O.F., “Linking Economic Hardship to Marital Quality and Instability,” *Journal of Marriage and Family*, 3 (52), (1990), 643-656.

dari sudut ekonomi. Badrudin<sup>88</sup> mendapati kebanyakan keluarga yang tidak merasai perasaan *sakīnah* disebabkan oleh faktor ekonomi. Ekonomi keluarga yang tidak stabil akan menyebabkan kebimbangan dan ketidakteraman dalam hati setiap pasangan. Sekiranya mereka tidak dapat menangani masalah ini melalui komunikasi yang baik maka pertengkaran dalam rumah tangga akan berlaku. Aspek komunikasi menurut Ninawati<sup>20</sup> merupakan aspek penting yang perlu dicapai untuk membentuk keluarga *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah*.

Nafkah adalah sebahagian daripada hak isteri terhadap suami dan merupakan hak berbentuk harta bagi isteri selain daripada mahar.<sup>89</sup> Nafkah merupakan tanggung jawab suami dan kewajipan menurut syarak kepada isterinya<sup>90</sup> serta kewajipan dari segi sosial kerana telah berpindah sudut pemeliharaan/ tanggungjawab ibu bapa (isteri) kepada suaminya.<sup>91</sup> Fuqaha mentakrifkan nafkah sebagai apa yang dihajatkan padanya daripada isteri seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, tempat tidur, pembantu, kelengkapan rumah dan lain-lain.<sup>92</sup>

Nafkah batin adalah antara hak-hak isteri yang perlu dipenuhi oleh suami. Selain hubungan kelamin, nafkah batin juga merangkumi hidup dengan kasih saying dan menjaga perasaannya. Isteri berhak mendapat nafkah zahir dan batin daripada suaminya mengikut kebiasaannya dan kemampuannya.<sup>93</sup> Kewajipan suami memberi nafkah itu adalah terikat dengan tanggungjawab

<sup>88</sup> Badrudin, “Upaya Keluarga Pra Sejahtera dalam Membentuk Keluarga Sakinah,” *Jurnal Hukum* (t.t.), 108.

<sup>89</sup> ‘Atīyyah Saqar, *Mawsū’ah al-Usrah Tahta al-Ri‘āyah al-Islām Huqūq al-Zawjiyah* (Qāhirah: Maktabah al-Wahbah, 2006), 67.

<sup>90</sup> Al-Talaq 28: 7.

<sup>91</sup> ‘Atīyyah Saqar, *Mawsū’ah al-Usrah Tahta al-Ri‘āyah al-Islām Huqūq al-Zawjiyah*, 68.

<sup>92</sup> Abdul Rahman al-Juzairi, 1989.

<sup>93</sup> Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi, “Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di Kalangan Orang Melayu,” 66-80.

isteri<sup>94</sup> yang ditunaikan sepenuhnya dan boleh dikaitkan dengan etika timbal balas antara suami isteri. Walau bagaimanapun, sebagai agama yang menganjurkan kesederhanaan, suami isteri disarankan bertimbang rasa dalam menuntut hak dan menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Di Malaysia aspek kawalan sosial yang dilaksanakan memberi fokus kepada nafkah zahir sahaja dengan tertubuhnya Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 7 Jun 2007 sebagai usaha membendung kebertanggungjawaban nafkah kepada isteri dan anak-anak sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlaku perceraian. Realiti kini kes pengabaian nafkah isteri dan anak kian meningkat setiap tahun bahkan perintah pembayaran oleh Mahkamah Syariah turut tidak diendahkan dan tidak dilaksanakan.<sup>95</sup> Isu tunggakan nafkah isteri dan anak telah menjadi satu masalah kepada negara sehingga pihak kerajaan membuat keputusan menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi menangani masalah tunggakan nafkah isteri dan anak melalui proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah negeri-negeri di seluruh Malaysia.<sup>96</sup> Fungsi dan peranan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)<sup>97</sup> dalam memastikan perintah nafkah dilaksana melalui penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah yang dilaksanakan melalui mekanisme seperti pendahuluan nafkah, bantuan nafkah melalui Majlis Agama Islam Negeri, memantau mana-mana perintah nafkah yang tidak dipatuhi serta penguatkuasaan undang-undang.

<sup>94</sup> ‘Atīyyah Saqr, *Mawsū’ah al-Usrah Tahta al-Ri‘āyah al-Islām Ḥuqūq al-Zawjiyah*; Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*.

<sup>95</sup> Mohd Amir Haji Arifin@Mohd Riffin & Jamalluddin Hashim, “Fungsi Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (BSK JKSM) Menurut Maqāṣid al-Shari‘ah,” *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)* (2017).

<sup>96</sup> <http://www.jksm.gov.my/fungsi-bahagian/bahagian-sokongan-keluarga/>

<sup>97</sup> <https://www.facebook.com/bahagiansokongankeluarga/posts/fungsi-dan-peranan-bahagian-sokongan-keluarga-bsk-dalam-memastikan-perintah-nafk/514747852438386/>

Di dalam Islam, semua perbelanjaan suami kepada ahli keluarga menurut pandangan al-Nawawi dikira sedekah yang terbaik dalam Islam sehingga Nabi ﷺ mengumpamakan perbelanjaan ini lebih berharga daripada memberi belanja berjuang di jalan Allah ﷺ dan setiap suapan kepada isterinya akan diberikan pahala.<sup>98</sup> Ayat 35, Surah al-Ahzab yang membicarakan berkaitan ciri amalan beragama meletakkan sifat bersedekah lelaki dan wanita sebagaimana firman-Nya:

وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ

*Terjemahan: “Dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah.”*

(Surah al-Ahzab, 33: 35)

Sifat bersedekah suami atau isteri kepada ahli keluarga turut diterima sebagai amal kebaikan di sisi Allah ﷺ dan sewajarnya dapat difahami dan dilaksanakan dalam kehidupan berkeluarga. Bekerja mencari nafkah untuk keluarga merupakan amal soleh yang pahalanya sangat besar yang juga dinilai sebagai sedekah.<sup>99</sup> Kajian mendapati konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* tidak dapat dibentuk sekiranya wujud pelbagai masalah dalam keluarga seperti masalah kewangan.<sup>100</sup> Jika dilihat kepada realiti urusan nafkah keluarga masa kini memerlukan kesepakatan antara pasangan bagi menampung perbelanjaan secara bersama. Tambahan pula, kebanyakan pasangan yang berumahtangga kini mempunyai pekerjaan dan gaji bagi menampung keperluan hidup

<sup>98</sup> Jasmi, K. A., Muhammad, A & Mohamed, A. K. (2004). Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi in Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya, on 29 September 2004, pp 1-12.

<sup>99</sup> Hadis riwayat Muslim no. 995.

<sup>100</sup> Syamsiah Nur, ‘Peranan Keluarga *Sakīnah, Mawaddah wa Rahmah* Sebagai Sumber Pendidikan Yang Pertama, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Indonesia,’ *Jurnal Zirah* 1 no. 1 (2019), 87.

berkeluarga. Dapatan kajian<sup>101</sup> menunjukkan bahawa daripada amalan perkongsian pendapatan antara suami isteri mampu memenuhi elemen penting bagi mencapai tahap kualiti hidup yang sempurna mencakupi tahap kesihatan dan penjagaan kualiti kesihatan, aspek kualiti pendidikan, kelengkapan serta perhiasan rumah tangga yang kondusif, di samping mempunyai kenderaan yang baik dan mampu memiliki insurans kesihatan dan insurans pendidikan untuk menjamin masa depan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diduga.

Menghayati konsep sedekah dalam kehidupan berumahtangga mampu melahirkan sifat redha dalam kalangan isteri mengeluarkan belanja untuk ahli keluarga di samping membantu beban tanggungan suami dalam pembelanjaan nafkah keluarga. Namun pihak suami perlu memahami peranan utama dalam menyediakan keperluan nafkah ahli keluarga, manakala isteri menghulurkan bantuan perbelanjaan sebagai satu sedekah untuk meringankan tuntutan kehidupan berkeluarga. Sifat melazimi bersedekah ini perlu difahami dengan sebaiknya kerana ganjarannya begitu besar sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran dan Sunnah.

## ELEMEN KEEMPAT; MENJAGA KEHORMATAN

Kehormatan didefinisikan sebagai kemuliaan, nama baik, harga diri, kesucian wanita, maruah, dan martabat.<sup>102</sup> Terdapat tujuh<sup>103</sup> bahagian nilai kehormatan, iaitu darah, harta benda, maruah, kezaliman, perpecahan, wanita dan amanah. Menurut Islam, kehormatan merangkumi semua perkara dalam kehidupan yang perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya terutamanya dalam menjaga hubungan. Iaitu meliputi hubungan manusia dengan

<sup>101</sup> Azhar Abdul Aziz, Raihanah Hj Azahari & Khairul Faezi Mohd Said, Perkongsian Pendapatan Suami Isteri dalam Keluarga Islam dan Impak kepada Kualiti Hidup Journal Of Contemporary Islamic Studies Vol. 2, Issue 1 2016

<sup>102</sup> Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu*, (Penerbit: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002), 34.

<sup>103</sup> Ali Jarishah, *Kehormatan, Hak-hak Manusia Menurut Islam, Suatu Kajian Perbandingan*, terj. Mohd Marzuqi Shafie (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990), 67.

Allah ﷺ, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Nilai kehormatan diamalkan dalam banyak perkara termasuk aspek komunikasi lisan dan bukan lisan<sup>104</sup>.

Menjaga kehormatan adalah hak bersama pasangan suami isteri dalam rumah tangga.<sup>105</sup> Pasangan suami dan isteri bertanggungjawab menjaga kehormatan pasangan dengan menjaga keselamatan keluarga seperti suami isteri dan anak-anak sebagaimana yang telah dibincangkan oleh fuqaha.<sup>106</sup> Suami dituntut mengawal isteri dari sebarang gejala buruk yang boleh merosakkan kehormatan dan nama baiknya.<sup>107</sup> Suami wajib melayani keperluan batin isteri<sup>108</sup> yang merupakan antara tujuan utama perkahwinan di samping memperolehi keturunan. Bekerjasama untuk mencapai kestabilan jiwa ialah memelihara kemaluan dan menenangkan syahwat serta menjaga kesucian diri daripada melihat perkara-perkara yang diharamkan. Ini kerana melalui hubungan intim suami isteri tersebut dapat memelihara kesucian pasangan daripada terlibat dengan penzinaan.

Terdapat dua kaedah untuk menjaga kemuliaan dan kehormatan suami, pertama menjauhi kekejadian iaitu zina dan kedua menjauhi pendahuluan-pendahuluannya (muqadimah zina) dan apa yang boleh menarik kepadanya serta membangkitkan keraguan dalam hati suaminya seperti bertabarruj dan percampuran yang diharamkan.<sup>109</sup> Menjaga maruah suami juga termasuklah

<sup>104</sup> Nurulizzati Mohamed Nawi & Wan Hishamudin Wan Jusoh, “Kaedah Komunikasi Keluarga Menurut Kitab Afat Al-Lisan Karangan Imam Al-Ghazali,” *Malaysian Journal for Islamic Studies* 3, no. 2 (2019), 50-57; Paskalis Belawan. 2009. Kehormatan sebagai Nilai dan Hak Asasi Manusia. <http://mualang.wordpress.com/.../kehormatan-sebagai-nilai>. Tarikh capaian: 4 Jun 2021

<sup>105</sup> Muhammad Kamaluddin Imam, *al-Zawaj fi Fiqh Islami Dirasah Syari’yyah*. Iskandariah: Darul Jamiah Jadidah Lil Nasyar, 1998: 90.

<sup>106</sup> Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, 34.

<sup>107</sup> Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, 34.

<sup>108</sup> Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, 34.

<sup>109</sup> Surah al-Nisa’ 5: 34; ‘Atiyyah Saqar, *Mawsū’ah al-Usrah Tahta al-Ri‘āyah al-Islām Huqūq al-Zawiyah*, 7-8.

menyimpan rahsia dan aib suami dengan tidak mendedahkan kepada pengetahuan umum. Isteri tidak boleh keluar rumah tanpa izin suami kecuali darurat. Perbuatan tersebut dikhawatir membawa fitnah yang menjelaskan maruah suami. Begitu juga perbuatan membawa masuk lelaki asing tanpa izin suami dan bergaul bebas yang memberi impak negatif kepada suami. Walau bagaimana pun fuqaha mengharuskan isteri mengunjungi ibu bapa yang sakit meskipun ditegah suami kerana hak ibu bapa lebih dulu dari hak suami.<sup>110</sup>

Isteri bertanggungjawab menjaga kehormatan suami dan hartanya semasa ketiadaan suami.<sup>111</sup> Isteri tidak boleh bergaul bebas (*ikhtilat*), mendedahkan aurat serta menjaga kemuliaan dan kehormatan suami.<sup>112</sup> Selain itu, isteri tidak boleh bertabarruj melainkan untuk suami kerana perbuatan itu akan merangsangkan kaum lelaki hingga menimbulkan fitnah.<sup>113</sup>

Berdasarkan Surah al-Ahzab:

وَالصَّابِرِينَ وَالصَّمِدِينَ فُرُوجُهُمْ  
وَالْحَافِظِينَ وَالْحَافِظَاتِ

*Terjemahan: “Dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya.”*

(Surah al-Ahzab, 33: 35)

Puasa yang sempurna menurut praktikal sebenar yang dianjurkan Islam bukan sekadar menahan perut yang lapar dan keibaan daripada menuruti hawa nafsu. Malahan, puasa menjadi faktor terpenting dalam menyucikan jiwa manusia apabila seseorang itu berjaya mengimplementasikan nilai-nilai tasawuf

<sup>110</sup> Hishām Qiblān, *Adab al-Zawāj fī al-Islām*, 78; Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān, *al-Zawāj wa al-Talāq fī al-Islām*, 89.

<sup>111</sup> Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*.

<sup>112</sup> ‘Abd al-Rahman al-Juzayri, *al-Fiqh ‘Ala al-Madhabib al-Arba ‘ah*, 76.

<sup>113</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, 58.

dalam pelaksanaannya serta bermujahadah melawan hawa nafsu.<sup>114</sup> Pelaksanaan ibadah puasa memerlukan seseorang itu memelihara dan menundukkan pandangan mata, memelihara setiap patah percakapan, penjagaan dan pemeliharaan fungsi pendengaran daripada perkara-perkara dosa dan maksiat.<sup>115</sup> Begitu juga memelihara seluruh anggota badan mereka yang lain di mana anggota kaki dicegah daripada melangkah ke tempat maksiat, perut dielakkan daripada mengambil makanan yang haram mahupun syubhab dan anggota lain.<sup>116</sup> Puasa yang sempurna dan penuh penghayatan juga merupakan satu penahan utama kepada kehendak buruk syahwat perut dan kemaluan setiap manusia. Hal ini demikian kerana syahwat perut dan kemaluan boleh membuatkan manusia itu menyimpang daripada hidupnya yang sebenar.<sup>117</sup> Secara lansung mampu menjaga kehormatan diri dengan menjaga diri dari melakukan perkara-perkara yang dikeji dan haram yang mendatangkan dosa dan maksiat.<sup>118</sup> Oleh itu memelihara kemaluan (kehormatan) sangat dianjurkan dalam agama Islam kerana termasuk menjaga kemaluan adalah menjaga diri dari perbuatan yang diharamkan.<sup>119</sup>

Sebuah keluarga memberikan perlindungan kepada ahli keluarga sama ada antara suami dan isteri mahupun ibu bapa dan anak-anak kerana asas hubungan suami isteri dalam sebuah keluarga adalah saling melindungi antara satu sama lain.<sup>120</sup> Ayat 187, Surah al-Baqarah, Allah ﷺ mengumpamakan suami dan isteri ibarat pakaian kepada pasangannya yang dapat menutupi dan menghalang pasangannya daripada melakukan perkara-

<sup>114</sup> Sa'īd Hawwa, *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyah al-Anfus* (Qahirah: Dar al-Salām, 2005), 61.

<sup>115</sup> Sa'īd Hawwa, *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyah al-Anfus*, 61.

<sup>116</sup> Sa'īd Hawwa, *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyah al-Anfus*, 61.

<sup>117</sup> Sa'īd Hawwa, *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyah al-Anfus*, 63.

<sup>118</sup> Surah al-Mukminun: 5-7

<sup>119</sup> Ismail Ibn Kathir, *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* (Bayrut: Dār al-Ma‘rifah, 1987), 3: 22.

<sup>120</sup> Siti Halimah Putung & Raihanah Hj Azahari, “Kepimpinan Suami dan Hubungannya dengan Kefungsian Keluarga: Satu Perbincangan,” *International Research of Shariah, Muamalat and Islam* 3 no. 7 (2021), 1-12.

perkara keji dan maksiat.<sup>121</sup> Pasangan suami dan isteri masing-masing berfungsi melindungi kehormatan pasangannya, menutup kelemahan dan kekurangannya seumpama pakaian melindungi pemakainya daripada terlihat aib dan cacat celanya. Keluarga menjadi tempat terbaik seseorang mendapatkan perlindungan sama ada perlindungan fizikal, mental dan emosi. Bahkan keluarga yang baik tidak hanya menawarkan perlindungan fizikal, mental dan emosi tetapi perlindungan agama dan akhlak. Menerusi ayat 6, Surah al-Tahrim, Allah <sup>SWT</sup> memerintahkan suami sebagai pemimpin dalam sebuah keluarga agar melindungi dirinya dan ahli keluarganya daripada api neraka dengan mengerjakan amalan ketaatan dan meninggalkan segala bentuk kemaksiatan kepada Allah <sup>SWT</sup>.<sup>122</sup>

Dapat difahami, menjaga kehormatan merupakan aspek yang sangat perlu diberikan perhatian. Kehormatan dalam sebuah rumah tangga dan keluarga meliputi penjagaan maruah diri, pasangan dan ahli keluarga, memberi perlindungan terhadap perkara-perkara yang berbentuk fizikal dan material dalam keluarga serta perlindungan agama dan akhlak lebih utama dan kritis dalam sebuah keluarga. Elemen menjaga kehormatan ini menjadi antara jalan penyelesaian dan tindakan pasangan rumah tangga yang menghadapi masalah akhlak/ sosial dalam rumah tangga berdasarkan aduan semasa sesi rundingcara keluarga di Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia.

## KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa kesejahteraan dan kebahagian rumah tangga berkait rapat dengan kebertanggungjawaban rumah tangga. Nilai kebertanggungjawaban rumah tangga meliputi pelbagai aspek sama ada dari sudut peranan agama, aspek pergaulan yang

<sup>121</sup> Al-Alūsī, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud, *Rūh al Ma'āni fī Tafsīr al-Qurān al-'Azīm wa al-Sab' al-Mathāni* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2009), 5: 73.

<sup>122</sup> Abū Muḥammad al-Ḥasan bin Maṣ'ūd bin Muḥammad bin al-Fara, *Tafsīr al-Baghawī* ('Ammān: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1999), 3: 45; Abū Ja'far Muḥammad Ibn Jarīr Ibn Yazid Ibn Kathīr, al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān* (Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 2000).

baik, aspek ekonomi serta aspek penjagaan kehormatan keluarga. Oleh itu pasangan yang mendirikan rumah tangga harus sentiasa bersedia dengan pelbagai ilmu pengetahuan, emosi dan rohani yang kental dan mantap. Kebertanggungjawaban rumah tangga perlu diberikan perhatian kerana menjadi aspek utama dalam membina kesejahteraan dan kebahagiaan rumah tangga dan keluarga.

Empat elemen utama kebertanggungjawaban rumah tangga yang perlu dilaksanakan oleh pasangan suami isteri iaitu pertama; ilmu dan ketaatan, kedua; pergaulan yang baik, ketiga; nafkah dan keempat; menjaga kehormatan diri berdasarkan ayat 35, Surah al-Ahzab. Antara elemen kebertanggungjawaban rumah tangga tumpuan utama adalah kepada elemen pertama, iaitu elemen ilmu dan ketaatan yang merupakan asas utama dalam membina kesejahteraan dan kebahagiaan rumah tangga dan keluarga. Ini kerana melalui pemantapan elemen ilmu dan ketaatan mampu menatijahkan sikap bertanggungjawab kepada diri dan melaksanakan peranan sebagai suami, isteri dan ahli keluarga.

Berdasarkan perbincangan empat elemen kebertanggungjawaban melibatkan secara langsung peranan dan tanggungjawab suami isteri sebagaimana perbincangan para fuqaha. Peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh suami dan isteri dalam rumah tangga mampu melahirkan kasih sayang, didikan dan bimbingan berterusan dalam keluarga, melakukan pemantauan dan kawalan serta memenuhi keperluan material keluarga.<sup>123</sup> Perincian komponen elemen kebertanggungjawaban rumah tangga dirumuskan sebagaimana jadual berikut:

---

<sup>123</sup> Siti Halimah Putung & Raihanah Hj Azahari, “Kepimpinan Suami dan Hubungannya dengan Kefungsian Keluarga: Satu Perbincangan,” 1-12.

### Jadual 6: Perincian Komponen Elemen Keber tanggungjawaban Rumah Tangga Menurut Islam

Sumber	Peranan	Elemen keber tanggung-jawaban	Komponen
<b>3 Prinsip Amalan Beragama: Iman, Islam Dan Ihsan</b>			Menjaga hak Allah (rukun iman & rukun Islam) Mentaati suami
<b>10 ciri amalan beragama Surah al Ahzab: 35:</b>		Ilmu dan ketaatan	Mendidik Anak Mentadbir rumah tangga Menjaga hak ahli keluarga dan tetangga Melazimi sifat mahmudah dan menjauhi sifat mazmumah
<b>Islam</b> <b>الْمُسْلِمُونَ وَالْمُسْلِمَاتُ</b>			Hak Istimta' & seksual
<b>Iman</b> <b>وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ</b>	Tanggungjawab Suami		Komunikasi
<b>Taat</b> <b>وَالْقَانِتُونَ وَالْقَانِتَاتُ</b>		Pergaulan yang baik	Mengurus konflik secara baik Menjaga perasaan pasangan Mengamalkan sifat mahmudah
<b>Bersedekah</b> <b>وَالْمُصَدِّقُونَ وَالْمُصَدِّقَاتُ</b>	Tanggungjawab Isteri		Menjauhi sifat mazmumah Perbelanjaan rumah tangga Sedekah
<b>Berpuasa</b> <b>وَالصَّائِمُونَ وَالصَّائِمَاتُ</b>		Nafkah	
<b>Menjaga kehormatan</b> <b>وَالْخَيْرَاتِ فِي الْخَيْرَاتِ</b>	Tanggungjawab Bersama	Menjaga kehormatan	Menjaga maruah diri Menjaga maruah pasangan Menjaga rahsia keluarga
<b>Benar</b> <b>وَالصَّادِقُونَ وَالصَّادِقَاتُ</b>			
<b>Sabar</b> <b>وَالصَّابِرُونَ وَالصَّابِرَاتُ</b>			
<b>Merendah diri</b> <b>وَالْخَمِيمُونَ وَالْخَمِيمَاتُ</b>			
<b>Berzikir</b> <b>وَالذِّكْرُونَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَالذِّكْرَاتُ</b>			

Hak dan tanggungjawab yang lahir daripada akad perkahwinan mempunyai matlamat melahirkan kebahagian dan kerukunan dalam sesebuah keluarga yang terbina. Syariat Islamiah dan undang-undang Islam yang berkuatkuasa telah menetapkan supaya semua pihak perlu menghormati dan menyempurnakan hak kepada pasangan mereka serta melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi tercapainya kebahagian untuk seluruh ahli keluarga. Mengabaikan hak dan mencuaikan tanggungjawab merupakan pelanggaran terhadap perintah syarak dan ketetapan undang-undang yang boleh mengakibatkan timbul ketidaktereman dalam kehidupan berkeluarga dan mengundang perpisahan

yang dibenci oleh Allah<sup>swt</sup> yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Konflik rumah tangga yang dihadapi oleh pasangan suami isteri mampu di atasi dengan cara kembali kepada cara hidup beragama dengan mendalami ilmu fardu ain secara berterusan dan terpandu. Melalui kefahaman dan penghayatan ilmu yang baik serta berterusan melaksanakan ketaatan berdasarkan perintah yang telah disyariatkan akan menatihahkan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat. Kesedaran diri untuk menambahbaik nilai ilmu keagamaan perlu diterapkan agar keperluan usaha mencari gali ilmu mengenal Allah dan Rasul-Nya dapat diaplikasikan sepanjang hayat oleh setiap muslim.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Rahmān al-Juzayri, *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba ‘ah* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1989).
- ‘Abdul Rahmān al-Šabūnī, *Nizam al-Usrah wa Hāl Musykilātuha Fi Dhau’ Islām*, (t.t.p: Maktabah Wahbah, 1983).
- ‘Atīyyah Saqar, *Mawsū’ah al-Usrah Tahta al-Ri‘āyah al-Islām Huqūq al-Zawiyah* (Qāhirah: Maktabah al-Wahbah, 2006).
- Abdul Jalil Hj. Mohd. Hassan, “The Islamic Concept of Marriage,” *Islamika II*, (Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1982).
- Abdul Karim Zaidan, *Al-Mufassal Fi Al-Aḥkām Al-Mar ‘ah Wa Al-Baiti Muslimah Fi Al-Syariah Islamiah*, (Beirūt: al-Risālah, 2000).
- Abu al-A’la Maudūdi, *Huqūq al-Zawjain*, (Jeddah: Dār al-Sa’udiah, 1985).
- Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Ensiklopedia Muslim*, (Jakarta: Darul Falah, 2003).
- Abū Ja‘far Muḥammad Ibnu Jarīr Ibnu Yazid Ibnu Kathīr, al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 2000).
- Abū Muḥammad al-Ḥasan bin Mas‘ūd bin Muḥammad bin al-Fara, *Tafsīr al-Baghawī* (‘Ammān: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1999).

- Abu Zuhrah, Muhammad, *Al-Ahwal al-Syakhsiyah* (Cairo: Dar al-Fikr al-‘Arabi, 1957).
- Adibah Sulaiman@Mohamad, Ezad Azraai Jamsari & Nurliyana Mohd Talib, “Konsep Ilmu menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi,” *Islamiyyat* 38, no. 2 (2016), 93-102.
- Ali Jarishah, Kehormatan, “Hak-hak Manusia Menurut Islam, Suatu Kajian Perbandingan,” terj. Mohd Marzuqi Shafie (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).
- Al-Alūsī, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud, *Rūh al-Ma’āni fi Tafsir al-Qur'an al-‘Azim wa al-Sab‘ al-Mathani* (Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009).
- Al-Shafi’e, *Al-Fiqh al-Wadih ‘Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafī’ie*, vol. 1, terj. Hj. S’aid Haji Ibrahim (Kuala Lumpur: Dar al-Ma’rifah, 2000).
- Aspalella A. Rahman, Nazli Mahadzir, Che Thalbi Ismail & Asmar Abdul Rahim, “Perkembangan Terkini Undang-Undang Keganasan Rumahtangga Di Malaysia,” *International Seminar On Regional Politics, Administration And Development 2020 (Insorpad2020)*, 56-67.
- Azhar Abdul Aziz, Raihanah Hj Azahari & Khairul Faezi Mohd Said, “Perkongsian Pendapatan Suami Isteri dalam Keluarga Islam dan Impak kepada Kualiti Hidup,” *Journal Of Contemporary Islamic Studies* 2, no. 1 (2016), 34-45.
- Azhar Muhammad & Kamarul Azmi Jasmi, “Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di Kalangan Orang-Orang Melayu,” dalam *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*, ed. Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin & Che Hashim Hassan (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2006), 66-80.
- Azma Mahmood, “Pengukuran Tahap Penghayatan Pendidikan Islam Tahap Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia,” (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).
- Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān, *al-Zawāj wa al-Talāq fī al-Islām* (Iskandariah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi‘ah, 1985).

- Badrudin, ‘Upaya Keluarga Pra Sejahtra dalam Membentuk Keluarga Sakinah,’ *Jurnal Hukum* (t.t.): 108; Fadillah Ismail, “Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga,” *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-11 (PERKEM KE-11)*, (2016) 394 – 399.
- Conger, D.R., Glen H. E., & Lorenz O.F., “Linking Economic Hardship to Marital Quality and Instability,” *Journal of Marriage and Family* 3, no. 52 (1990), 643-656.
- Conger, R., Rueter, M. & Elder G. J., “Couple resilience to economic pressure. In P. Boss (Ed.), *Family Stress: Classic And Contemporary Readings* (Thousand Oaks: Sage Publications, 2002), 292-319.
- Crouter, A. C., & Helm-Erikson, H. M., “Work and Family From A Dyadic Perspective: Variations in Inequality,” In R. Milardo & S. Duck (Eds.), *Families as Relationships* (New York: Wiley, 2000), 99-115.
- Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail, “Kecerdasan Ruhaniah Membentuk Manusia Unggul,” *Islamiyyat* 37, no. 2 (2015), 97-105.
- Faula Arina, ‘Konsep Keluarga *Sakinah* Menurut Kitab Qurrah Al-‘Uyun Karangan Syaikh Muhammad At-Tihami Bin Madani,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Purwokerto, 2018).
- Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim & Intan Nadia Ghulam Khan, “Krisis Rumah Tangga: Punca-Punca Dan Cara Untuk Mencatasinya Menurut Perspektif Syariah Dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984,” <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/9408/1/Kajian%20Syariah%20Dan%20Undang-Undang%20-%20Part%203.pdf>
- Hishām Qiblān, *Adab al-Zawāj fī al-Islām* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1983).
- <http://www.jksm.gov.my/fungsi-bahagian/bahagian-sokongan-keluarga/>
- Ismail Ibrahim, *Islam Mendepani Cabaran* (Putrajaya: JAKIM, 2021).

- Jahid Sidek, "Konsep Tasawuf Yang Muktabar Dalam Akidah," *Jurnal Qalbu* 4, no. 3 (2017), 44-81.
- Jasmi, K.A., Muhammad, A & Mohamed, A. K, "Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi," in *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan*, (2004), 1-12.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, "Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah," *Ulum Islamiyyah* 12 (2014), 87-103.
- Mahmud Saidon, *Asas Pembentukan Keluarga Bahagia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1984).
- Mat Saad Abdul Rahman, *Undang-undang keluarga Islam: Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa* (Shah Alam: Hizbi, 1993).
- Md Zawawi Abu Bakar, Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, "Hak Suami Isteri dalam Perkahwinan Islam: Analisis Menurut Fiqh," *REKAYASA: Journal of Ethics, Legal and Governance* 35, vol. 4 (2008), 35-52.
- Mohd Amir Haji Arifin@Mohd Rifin & Jamalluddin Hashim, "Fungsi Penguasaan dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (BSK JKSM) Menurut Maqāsid al-Shārī‘ah," *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*, (2017).
- Mohd Yusoff, Zulkifli, "Gejala Sosial Dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian Dari Perspektif Wahyu", *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Modernisme* (SIVIC 2004), 7-14.
- Muhammad ‘Aqilah, *Nizām al-Usrah fī Islām*, vol. 2 ('Ammān: Maktabah Risālah Ḥadīthah, t.t.).
- Muhammad Abū Zahrah, *Muḥadarāt Fi Al-Aqd Li Zawāj Wa Athārahu*, (T.tp: Dār al-Fikr ‘Arabi, 1971), 45.
- Muhammad Fathonaddin, 'Perkahwinan *Sakinah, Mawaddah, wa Rahmah*: Studi Pemikiran Sachiko Murata,' (Disertasi Sarjana, UIN Alauddin Makassar, 2019).

- Muhammad Kamaluddin Imam, *al-Zawaj fī Fiqh Islami Dirasah Syari'yyah* (Iskandariah: Dar al-Jami‘ah Jadidah li al-Nashr, 1998).
- Muhammad Mahmud Syafie, *al-Tanbih Fi Fiqhi Al-Syāfi'i*, Ter: Hafid Abdullah. M.A, (Semarang: CV. Asy Syifa. 1998).
- Muhammad Qāsim al-Ghāzzi, *Sharh Fath al-Qarīb al-Mujīb 'Alā al-Kitāb al-Musammā bi al-Taqrīb* (Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1970).
- Muhammad Muṣṭafā Shalabi, *Ahkam al-Usrah fi Islam* (Bayrūt: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiah, 1977).
- Murtada al-Zabidī, *Ithaf al-Sadah al-Muttaqīn bi-Sharh Ihya' 'Ulum al-Dīn*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989).
- Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya, Fatimah Nadirah, Mohd Noor, “Fardhu ‘Ain Sebagai Kerangka Pembentukan Disiplin Pelajar di Institusi Pendidikan Islam,” *Jurnal Ulwan* 1 (2016), 59-73.
- Mustafa al-Khin, *Fiqh al-Manhajī 'ala Madhhāb al-Imām al-Shāfi'i*, vol. 2 (Dimashq: Dār al-Qalam, 1992).
- Nor Dalilah Zakaria dan Raihanah Azahari, “Menghayati Nilai Iman, Islam Dan Ihsan Dalam Mendepani Cabaran Kontemporari”. *AR-RĀ'IQ* 5, no. 1 (2022), 20-74.
- Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).
- Norsaleha Mohd Salleh, “Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia,” (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia 2015).
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari, “Penghayatan Islam Dan Hubungannya Dengan Konflik Rumah tangga: Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor,” *Jurnal Syariah* 24, no. 3 (2016), 393-422.
- Nurul Qolbi Mohd Ngahlim, Norhazirah Mustaffa & Ahmad Irdha Mokhtar, “Penyelesaian Keganasan Rumahtangga Dari Perspektif Maqasid Syariah,” *Prosiding SAKI* (2021), 163-176.

- Nurulizzati Mohamed Nawi & Wan Hishamudin Wan Jusoh, “Kaedah Komunikasi Keluarga Menurut Kitab Afat Al-Lisan Karangan Imam Al-Ghazali,” *Malaysian Journal For Islamic Studies* 3, no. 2 (2019), 50-57.
- Paskalis Belawan, *Kehormatan sebagai Nilai dan Hak Asasi Manusia*, (2009), <http://mualang.wordpress.com/.../kehormatan-sebagai-nilai>. Tarikh capaian: 4 Jun 2021
- Roziah Chek, “Konsep Perkahwinan dalam Islam dan Kristian: Kajian Perbandingan,” (Tesis Sarjana, Universiti Malaya 2010).
- Ruhil Hayati, ‘Modul Kursus Pra Perkahwinan Islam: Kajian Terhadap Keberkesanannya di Jabatan Agama Islam Negeri Perak Darul Ridzuan,’ (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2011).
- Sa‘id Hawwa, *al-Mustakhlaṣ fi Tazkiyah al-Anfus* (Qahirah: Dar al-Salām, 2005).
- Salasiah Hanin Hamjah, *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016).
- Sapora Sipon, Amin Hassan, “Managing Spirituality in Solving Family Issues.” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* (2015), 185: 214–17.
- Sazali, M.Si, “Signifikansi Ibadah Sholat” Dalam Pembentukan Kesehatan Jasmani dan Rohani, *Jurnal Ilmu dan Budaya*, 40.52, (2016), 8.
- Siti Chadijah, ‘Karakteristik Keluarga *Sakinah* dalam Islam,’ *Jurnal Rausyan Fikr*, vol. 14/1 (2018), 126;
- Siti Halimah Putung & Raihanah Hj Azahari, “Kepimpinan Suami dan Hubungannya dengan Kefungsian Keluarga: Satu Perbincangan,” *International Research of Shariah, Muamalat and Islam* 3 no. 7 (2021), 1-12.
- Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat, ‘Konsep *Sakinah, Mawaddah* dan *Rahmah* Sebagai Asas Kebahagiaan Rumahtangga Menurut al-Qur'an: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum,’ *Jurnal al-Quran dan Pengajaran Hadith* (2016): 206-222.

- Sudi, Suriani, Fariza Sham, And Phayilah Yama, “Pembentukan Spiritual Menurut Islam Sebagai Solusi Dalam Menangani Permasalahan Sosial Spiritual,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5. 273, (2018), 66-78.
- Syafiyah Iqlima Mohd Nadzri, *Polimek Perceraian di Malaysia, 15/2020*, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) 2020, 7.
- Syamsiah Nur, ‘Peranan Keluarga *Sakīnah, Mawaddah wa Rahmah* Sebagai Sumber Pendidikan Yang Pertama, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Indonesia,’ *Jurnal Zirah* 1, no. 1 (2019), 87.
- Thoriq Fadli Zaelani, ‘Konsep Keluarga *Sakīnah* Menurut Hamka,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia, 2017).
- Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* (Dimashq: Dar al-Fikr, 1989).
- Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Abdul Wahab Md. Ali, Zulkifli Mohamad, Ahmad Faizal Ramly & Farah Syazrah Mohd Ghazalli, “Pembinaan Keluarga Sejahtera: Analisis Terhadap Prinsip ‘Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera’ Dalam Transformasi Terengganu Baharu,” *Journal of Nusantara Studies*, 2.2 (2017), 306-318.
- Yasir Sayyid Ahmed, *al-Qiādah Fann wa Mahārah* (Qahirah: Dār al-Bayān, 2009).
- Yufiza Yusof, Rafidah Mohd Basir, Saleha Abd Azis dan Zamaruzaman Mohamad, *Pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia* (Melaka: Kolej Komuniti Batu Gajah, 2016).
- Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002).
- Zalikhah Md Nor, *Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam* (Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd, 1992).

Zulkifli Hasan, ‘Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia & Sejauh Manakah Pelaksanaannya,’ dalam Azman Ab Rahman et al., *Isu-isu Semasa Global Sempena Kemerdekaan Ke-50* (Nilai: Pusat Pengajian Umum USIM, 2007), 23-35.